




HOSPITAL MELAKA

PROSEDUR KUALITI

Pengurusan Kes-Kes Kematian Di Hospital Melaka

No. Dokumen	PK - HM - K - 08	No. Keluaran : 01
--------------------	-------------------------	--------------------------

Disemak oleh	Tandatangan : Nama : DR. HARYANTI SARA AZMEEN BINTI MOHD RAZALI Jawatan : KETUA JABATAN PERUBATAN FORENSIK Tarikh : 15.01.2018
Disokong oleh	Tandatangan : Nama : DR. HJH. ZARINA BINTI SAHROM @ SHAHROM Jawatan : TIMBALAN PENGARAH PERUBATAN I Tarikh : 15.01.2018
Diluluskan oleh	Tandatangan : Nama : DR. HATIJAH BINTI HJ. MOHD TAN Jawatan : PENGARAH Tarikh : 15.01.2018



PROSEDUR KUALITI
Pengurusan Kes-Kes Kematian
Di Hospital Melaka

No: Pindaan: 00
Tarikh: 15.01.2018

REKOD PINDAAN

Bil.	Nombor / Tajuk Dokumen	Keluaran	Keterangan	Mukasurat Terlibat	Tarikh Pindaan

 <p>HOSPITAL MELAKA</p>	<p align="center">PROSEDUR KUALITI Pengurusan Kes-Kes Kematian Di Hospital Melaka</p>	<p align="right">No: Pindaan: 00 Tarikh: 15.01.2018</p>
---	--	--

1. OBJEKTIF


Prosedur ini menggariskan langkah-langkah untuk pengurusan jenazah dan pengendalian kes bedah siasat di Hospital Melaka.

2. SKOP

Prosedur ini akan digunakan untuk pengurusan jenazah dari mula kematian berlaku/diterima hingga jenazah diserahkan kepada waris/disempurnakan (bagi mayat tidak dituntut).

3. RUJUKAN

- Kanun Prosedur Jenayah, Bab 32: Siasatan Kematian, Seksyen 328 – 341A, Mac 1994
- *Standard Operating Procedures of Forensic Medicine Services, February 2012*
- Garispanduan Bedah-Siasat Mayat Di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia, Oktober 2008
- Garispanduan Penyerahan Mayat-Mayat Yang Tidak Dituntut Di Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia Kepada Fakulti Perubatan University Tempatan Bagi Maksud Pendidikan Atau Penyelidikan Perubatan
- Arahan Kerja Jabatan Perubatan Forensik Hospital Melaka
- Peraturan - Peraturan Bagi Pengurusan Mayat-Mayat Di Hospital, Bahagian Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia, 15 Ogos 1993
- *HKL Pathology Services Handbook*, Jabatan Patologi, Hospital Kuala Lumpur 2016
- Buku *Plan of Action for The Prevention and Control of AIDS, Ministry of Health Malaysia, 2012*
- *Guidelines on Middle East Respiratory Syndrome (MERS) Management in Malaysia, November 2015*
- *Guidelines on Ebola Virus Disease (EVD) Management In Malaysia, September 2014*
- *Human Tissue Act 1974*
- Manual Kualiti
- Tatacara Kejururawatan



PROSEDUR KUALITI

Pengurusan Kes-Kes Kematian Di Hospital Melaka

No: Pindaan: 00
Tarikh: 15.01.2018

4. TERMINOLOGI

Kes Polis	Kes kematian yang melibatkan siasatan oleh pihak polis dibawah Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593). Ianya juga kerap kali dikenali sebagai kes medico-legal.
Kes Biasa	Kes kematian yang tidak melibatkan siasatan oleh pihak polis dibawah Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593) atau bukan dikategorikan sebagai kes medikolegal.
Spesimen	Sampel tisu atau cecairan badan yang di ambil semasa menjalankan bedah siasat untuk tujuan analisa makmal.
AIDS	Acquired Immune Deficiency Syndrome.
STD	Sexually Transmitted Diseases
Kes Biohazard	Kes kematian yang mempunyai risiko jangkitan yang tinggi contohnya seperti AIDS, Hepatitis dan Tibi.
Bedah siasat	Pemeriksaan terhadap jenazah yang meliputi pemeriksaan luaran dan dalaman untuk mengenalpasti punca kematian serta cara kematian atau bagaimana perubahan dihasilkan oleh sesuatu penyakit, kimia, radiasi, kemalangan, kecederaan dan lain-lain.
Draf Bedah Siasat	Satu set dokumen yang mengandungi format untuk mencatat hasil bedahsiasat dan gambarajah anatomi.
Polis 61	Borang Permintaan Pemeriksaan Mayat oleh polis.
JPF	Jabatan Perubatan Forensik
Dr.	Pakar / Pegawai Perubatan / Pegawai Perubatan Siswazah
PPP	Penolong Pegawai Perubatan
JT	Jururawat Terlatih
PPK	Pembantu Perawatan Kesihatan
PPKP	Penolong Pegawai Kesihatan dan Persekitaran
BDM	Bilik Daftar Masuk
ETD	Emergency and Trauma Department
Buku Pendaftaran Per PD101	Buku Daftar Kemasukan Hospital/Institusi



PROSEDUR KUALITI

Pengurusan Kes-Kes Kematian Di Hospital Melaka

No: Pindaan: 00
Tarikh: 15.01.2018

5. TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN PENGURUSAN KEMATIAN WAD

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
DR (Wad/ETD)	<p>5.1 Sahkan kematian</p> <p style="margin-left: 40px;">5.1.1 Maklumkan kepada waris jika ada</p> <p style="margin-left: 40px;">5.1.2 Bagi ETD, sekiranya sebab mati tidak diketahui, rujuk AK-HM-ETD</p>
JT/PPP (Wad)	<p>5.2 Maklumkan kematian kepada</p> <p style="margin-left: 40px;">5.2.1 Staf Jabatan Perubatan Forensik (Waktu pejabat)</p> <p style="margin-left: 40px;">5.2.2 Staf BDM (Selepas waktu pejabat , cuti umum dan kelepasan am)</p> <p style="margin-left: 40px;">5.2.3 PPKP (Kes Berjangkit) jika perlu</p> <p style="margin-left: 40px;">5.2.4 Pondok Polis Perhubungan Hospital (Mediko-legal)</p>
PPP/PPK (Forensik)	<p>5.3 Terima maklumat berlakunya kematian dari JT atau PPP unit berkenaan melalui telefon atau melalui kakitangan yang datang untuk mengambil Borang Daftar Kematian. (JPN.LM02 Pin.1/11) (Lampiran 1) dan Borang Perakuan Pegawai Perubatan mengenai sebab kematian (JPN.LM09) (Lampiran 2)</p> <p style="margin-left: 40px;">5.3.1 Serahkan Borang JPN.LM02 Pin.1/11 dan Borang JPN.LM09 kepada Pembantu Perawatan Kesihatan yang berkenaan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Waktu pejabat – Jabatan Perubatan Forensik • Selepas waktu pejabat atau hari kelepasan am – Bilik daftar masuk (BDM)
DR/JT (Wad)	<p>5.4 Dokumentasikan maklumat terperinci dalam Nota Pesakit</p> <p style="margin-left: 40px;">5.4.1 Kemaskini borang-borang yang berkaitan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Borang Daftar Kematian JPN LM02Pin. 1/11 (Lampiran1) • Borang Perakuan Pegawai Perubatan Mengenai Sebab-Sebab Kematian JPN.LM 09 (Lampiran 2) • Borang Kelahiran Mati (<i>Stillbirth</i>) (MS:ISO/HM/O&G/Borang 30) (jika berkaitan) (Lampiran 3) • Borang Daftar Kelahiran JPN.LM01 (jika berkaitan)(Lampiran 4) • Borang Daftar, Masuk Dan Keluar Hospital (Lampiran 5) • Borang HIV 97 (jika berkaitan) (Lampiran 6)



PROSEDUR KUALITI

Pengurusan Kes-Kes Kematian Di Hospital Melaka

No: Pindaan: 00
Tarikh: 15.01.2018

<p>JT/PPP (Wad/ETD)</p>	<p>5.5 Menguruskan jenazah/mayat di wad mengikut tatacara kejururawatan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Prosedur <i>last office</i> dan dokumentasi akan dilakukan oleh kakitangan wad termasuk menanggalkan sebarang peralatan perubatan • Sekiranya doktor yang bertanggungjawab terhadap jenazah merasakan peralatan perubatan tersebut berkaitan atau menyumbang kepada kematian, peralatan tersebut tidak perlu ditanggalkan untuk kepentingan bedah siasat (jika perlu) <p>5.5.1 Untuk kematian <i>neonate</i> rujuk AK-HM-PEDIATRIK-06 Pengurusan Mayat.AK-HM- PAEDIATRIK-07 Pengurusan Keguguran berpandukan Protokol Keguguran</p> <p>5.5.2 Bagi kes HIV – uruskan mengikut garis panduan KKM (Buku <i>Plan of Action for the Prevention and Control of AIDS</i> KKM 2012</p> <p>5.5.3 Bagi kes <i>Maternal Death</i>- rujuk AK-HM-O&G 11 – Pengurusan (Notifikasi) Kematian Ibu Bersalin</p> <p>5.6 Menguruskan jenazah/mayat di ETD</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tidak perlu melakukan prosedur <i>last rite</i> bagi kematian di ETD yang memerlukan bedah siasat • Sebarang peralatan perubatan tidak perlu ditanggalkan untuk kepentingan bedah siasat (jika perlu) <p>5.7 Tulis dan kemaskini laporan di dalam nota pesakit dan Laporan Kematian dalam jangkamasa 24 jam</p> <p>5.8 Kemaskini dokumen:</p> <p>5.8.1 Kepingan caj dan kemaskini SPPD</p> <p>5.8.2 Permohonan kereta jenazah / mayat jika perlu. Rujuk AK- HM Klinikal-14, menguruskan permohonan perkhidmatan ambulan / kereta jenazah</p> <p>5.8.3 Asingkan borang pendua daftar kemasukan pesakit dalam untuk dihantar ke pejabat rekod</p> <p>5.8.4 Dokumenkan rekod pesakit di dalam Buku Penghantaran kematian</p> <p>5.9 Mengarahkan waris membuat bayaran</p> <p>5.9.1 Caj Rawatan ke BDM</p>



PROSEDUR KUALITI

Pengurusan Kes-Kes Kematian Di Hospital Melaka

No: Pindaan: 00
Tarikh: 15.01.2018

	<p>5.9.2 Caj kenderaan jenazah ke Unit Hasil</p> <p>5.10 Penyerahan jenazah</p> <p>5.10.1 Pastikan jenazah yang betul terlebih dahulu sebelum diserahkan kepada kakitangan Jabatan Perubatan Forensik</p> <p>5.10.2 Pastikan penerimaan dokumen kematian ditandatangani oleh kakitangan Jabatan Perubatan Forensik di dalam buku penghantaran</p> <p>5.11 Rekod dalam Buku Pendaftaran PD 101</p>
PPP/PPK (Forensik)	<p>5.12 PPK Jabatan Perubatan Forensik akan mengambil jenazah di wad sekurang-kurangnya selepas 1 jam setelah PPP Forensik dimaklumkan atau setelah Borang Daftar Kematian diambil</p> <p>5.12.1 Pastikan semua dokumentasi yang diperlukan di langkah 5.4.1 lengkap</p> <p>5.12.2 Bagi kes kematian luar yang dibawa oleh polis, jenazah akan dihantar oleh polis ke JPF (waktu pejabat) dan ke Jabatan Kecemasan dan Trauma (luar waktu pejabat) untuk tujuan pengesahan kematian dan selepas itu dihantar ke JPF. Bagi kematian luar yang dibawa oleh orang awam atau waris, jenazah akan diambil oleh Pembantu Perawatan Kesihatan JPF dari Jabatan Kecemasan dan Trauma</p> <p>5.13 Bagi kematian di hospital, jenazah diambil bersama dokumen berikut:</p> <p>5.13.1 Nota pesakit.</p> <p>5.13.2 Borang JPN LM 02 dan JPN. LM09</p> <p>5.13.3 Tag pengenalan mayat</p> <ul style="list-style-type: none">• Kematian Biasa : Tag warna putih (Lampiran 7)• Kematian Kes Polis : Tag warna merah (Lampiran 8) <p>5.14 Bagi kematian luar yang dibawa oleh polis atau orang awam ke ETD, jenazah akan diambil / terima bersama dokumen berikut :</p> <p>5.14.1 Kad Rawatan Untuk Orang Sakit (Luar) No. Rujukan (Perubatan 96-Pin.1/78) (Lampiran 9)</p>




PROSEDUR KUALITI

Pengurusan Kes-Kes Kematian Di Hospital Melaka


No: Pindaan: 00
Tarikh: 15.01.2018

	<p>5.14.2 Borang Permintaan Pemeriksaan Mayat (Polis 61-Pindaan 4/86) (Lampiran 10) jika ada</p> <p>5.14.3 Borang Daftar Kematian JPN LM 02- jika perlu</p> <p>5.14.4 Tag pengenalan mayat, warna putih untuk kematian biasa dan warna merah bagi kematian kes polis</p> <p>5.15 Daftar kematian ke dalam Buku Daftar Bilik Jenazah (L- J.P.N,K.L.) dan lengkapkan maklumat jenazah di dalam Borang Pengendalian Mayat (MS:ISO/HM/FORENSIK/08 KELUARAN:03 PINDAAN:02/17) (Lampiran 11)</p> <p>5.16 Simpan jenazah di dalam peti simpanan jenazah bagi mayat yang belum hendak dituntut oleh waris - (rujuk AK-HM-JPF-01–Penyimpanan Mayat)</p> <p>5.16.1 Satu tag pengenalan mayat diletakkan pada pintu peti simpanan jenazah,satu pada mayat dan satu pada bag mayat.</p> <p>5.16.2 Catitkan nama dan lokasi kedudukan mayat pada papan kenyataan peti simpanan jenazah</p> <p>5.17 Lakukan segala prosedur yang diarahkan oleh Dr. ke atas jenazah mengikut kes kematian- rujuk Arahan Kerja Jabatan Perubatan Forensik :</p> <p>5.17.1 AK-HM-JPF-03 - Bedah siasat, 5.17.2 AK-HM-JPF-04 - Bedah siasat Kes Berisiko Tinggi 5.17.3 AK-HM-JPF-05 - Pengendalian spesimen 5.17.4 AK-HM-JPF-06 - Pengurusan bahan keterangan</p>
PPP/PPK (Forensik)	<p>5.18 Waris melakukan pengecaman di Bilik Persiapan Jenazah</p> <p>5.18.1 Serahkan jenazah kepada waris. - (rujuk AK-HM-JPF-02 Penyerahan Mayat Kepada Waris)</p> <p>5.19 Jika tiada waris datang menuntut, lakukan prosedur mengikut AK-HM-JPF-07- Pengurusan mayat tanpa waris</p>


6. CARTA ALIRAN
6.1 CARTA ALIRAN PENGURUSAN KEMATIAN DI WAD



6.2 CARTA ALIRAN PENGURUSAN KEMATIAN DI ETD



6.3 CARTA ALIRAN PENGURUSAN JENAZAH DI JABATAN PERUBATAN FORENSIK



 <p>HOSPITAL MELAKA</p>	<p>PROSEDUR KUALITI Pengurusan Kes-Kes Kematian Di Hospital Melaka</p>	<p>No: Pindaan: 00 Tarikh: 15.01.2018</p>
---	---	--

7. REKOD KUALITI

BIL.	JENIS REKOD	LOKASI	TEMPOH PENYIMPANAN
1.	Buku Daftar Bilik Jenazah (L-J.P.N (K.L.))	Jabatan Perubatan Forensik	Kekal
2.	Buku Rekod Bedah Siasat	Jabatan Perubatan Forensik	Kekal
3.	Borang Pengendalian Mayat	Jabatan Perubatan Forensik	Kekal
4.	Fail Bedah Siasat	Jabatan Perubatan Forensik	Kekal
5.	Fail Mayat Tidak Dituntut	Jabatan Perubatan Forensik	7 tahun
6.	Rekod Penyerahan Spesimen	Jabatan Perubatan Forensik	Kekal

LAMPIRAN

Borang Daftar Kematian JPN LM02Pin. 1/11	Lampiran 1
Perakuan Pegawai Perubatan mengenai Sebab-sebab Kematian JPN.LM 09	Lampiran 2
Borang Kelahiran Mati (<i>Stillbirth</i>) (MS:ISO/HM/O&G/Borang 30)	Lampiran 3
Borang Daftar Kelahiran JPN.LM01	Lampiran 4
Borang Daftar, Masuk Dan Keluar Hospital (PER-PD 301)	Lampiran 5
Borang HIV 97	Lampiran 6
Tag (MS.ISO/HM/FORENSIK/02Tag2)	Lampiran 7
Tag (MS.ISO/HM/FORENSIK/01Tag1)	Lampiran 8
Kad Rawatan Untuk Orang Sakit (Luar) No. Rujukan (Perubatan 96-Pin.1/78)	Lampiran 9
Borang Permintaan Pemeriksaan Mayat (Polis 61-Pindaan 4/86)	Lampiran 10
Borang Pengendalian Mayat (MS:ISO/HM/FORENSIK/08)	Lampiran 11

8. INPUT

8.1 Sumber Manusia

Pakar Perubatan Forensik
Pegawai Perubatan
Penolong Pegawai Perubatan
Pembantu Perawatan Kesihatan



HOSPITAL MELAKA

PROSEDUR KUALITI

Pengurusan Kes-Kes Kematian Di Hospital Melaka

**No: Pindaan: 00
Tarikh: 15.01.2018**

8.2 Peralatan

Peti Simpanan Mayat
Troli Pengusung Mayat
Meja Bedahsiasat
Lampu Pembedahan
Peralatan Pembedahan
Pakaian Pembedahan
Peralatan Pakaibuang
Peralatan Pejabat

9. PENGURUSAN RISIKO

Rujuk Fail Pengurusan Risiko

10. KLAUSA BERKAITAN

- 4.1 Memahami Organisasi & Konteksnya
- 4.3 Menentukan Skop Sistem Pengurusan Kualiti
- 4.4 Sistem Pengurusan Kualiti & Prosesnya
- 5.1 Kepimpinan & Komitmen
- 5.2 Dasar Kualiti
- 5.3 Peranan, Tanggungjawab & Bidang Kuasa Organisasi
- 6.2 Objektif Kualiti & Perancangan Untuk Mencapainya
- 7.1.1 Am
- 7.1.2 Modal Insan
- 7.1.3 Prasarana
- 7.1.4 Persekitaran Untuk Operasi Proses
- 7.5.1 Am
- 7.5.2 Mewujudkan & Mengemaskini
- 7.5.3 Kawalan Maklumat Didokumentasikan
- 8.1 Perancangan & Kawalan Operasi
- 8.2.1 Komunikasi Dengan Pelanggan
- 8.2.2 Menentukan Keperluan Untuk Produk & Perkhidmatan
- 8.5.3 Harta Kepunyaan Pelanggan Atau Penyedia Luar
- 9.1.1 Am
- 10.1 Am
- 10.2 Ketakakuran & Tindakan Pembetulan
- 10.3 Penambahbaikan Berterusan



HOSPITAL MELAKA

PROSEDUR KUALITI

Pengurusan Kes-Kes Kematian Di Hospital Melaka

No: Pindaan: 00
Tarikh: 15.01.2018

Lampiran 1

JPN.LM 02 (Pin.1/11)

DAFTAR KEMATIAN / PERMIT MENGUBUR
Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian, 1957
[Seksyen 4(1), Kaedah 5]

No. Siri: 1064989

TUJUAN DAFTAR

Kematian Pengebumian Anggota Badan Kelahiran Mati Lain-lain. Nyatakan _____

A MAKLUMAT SI MATI / PEMILIK ANGGOTA BADAN

1. Nama Penuh
[Grid for name entry]

2. No. Dokumen Pengenalan Diri
[Grid for ID number]

3. Jenis Dokumen Pengenalan / Negara Pengeluar
[Text field]

4. Umur 5. Jantina
[Grid for age] L Lelaki P Perempuan R Regu

6. Keturunan
[Text field]

7. Warganegara
[Text field]

8. Alamat Terakhir
[Text field]

9. Agama
 Islam Kristian
 Buddha Hindu
 Lain-lain. Nyatakan _____

10. Tempat Kematian
[Text field]

11. Tarikh Kematian
[Grid for date]

12. Tarikh Lahir 13. Negeri Kematian
[Grid for birth date] [Text field]

14. Waktu Kematian
[Grid for time] Pagi / Petang / Tengahari / Malam

15. Sebab Kematian
[Grid for cause of death]

16. Tempat Kutipan Sijil Kematian
JPN: _____

B MAKLUMAT PEMAKLUM

17. Nama Penuh
[Grid for name]

18. No. Dokumen Pengenalan Diri
[Grid for ID number]

19. Jenis Dokumen Pengenalan / Negara Pengeluar
[Text field]

20. Hubungan Dengan Si Mati 21. Pekerjaan
[Text field] [Text field]

22. No. Telefon
[Grid for phone number]

23. Alamat
[Text field]

Saya membuat akuan bahawa segala maklumat yang diberikan adalah benar dan betul.
.....
(Tandatangan / Cap Ibu Jari Kanan)

C MAKLUMAT PEGAWAI YANG MENGELUARKAN PERMIT MENGUBUR / PENGESAH KEMATIAN

24. Tarikh Pendaftaran 25. No. Dokumen Pengenalan Diri
[Grid for date] [Grid for ID number]

26. Jenis Dokumen Pengenalan / Negara pengeluar
[Text field]

27. Pekerjaan
[Text field]

28. Nama Penuh
[Grid for name]

Saya mengesahkan butir-butir di ruangan A dan C adalah benar dan betul.
.....
(Tandatangan dan Cop Rasmi Pegawai)

UNTUK KEGUNAAN JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

29. Kad Pengenalan / Sijil Kelahiran Si Mati Diserahkan Ya Tidak

D PENGESAHAN PENDAFTAR **E KEPUTUSAN PENDAFTAR BESAR / PENGUSAHA PENDAFTAR (SEKSYEN 21)**


Dengan ini, saya mengesahkan maklumat kematian di atas

.....
(Nama, Tandatangan dan Cop Pendaftar)
Tarikh: _____

.....
(Cop dan Tandatangan Pendaftar Besar / Penguasa Pendaftar)
Tarikh: _____

Salinan Jabatan Pendaftaran Negara

Peringatan: Dokumen ini tidak diktraf sebagai Sijil Kematian



PROSEDUR KUALITI
Pengurusan Kes-Kes Kematian
Di Hospital Melaka

No: Pindaan: 00
Tarikh: 15.01.2018

Lampiran 2

JPN. LM09

No. 719917

PERAKUAN PEGAWAI PERUBATAN
MENGENAI SEBAB-SEBAB KEMATIAN
Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian, 1957
[Seksyen 22(1); Kaedah9]

Dengan ini saya
(Nama dan Nombor Kad Pengenalan Pegawai Perubatan)

mengaku bahawa saya telah merawat:

Nama si mati

Nombor Kad Pengenalan si mati

Alamat si mati

buat kali terakhir pada..... dan beliau telah
meninggal dunia pada..... jam

Sebab-sebab utama kematian ialah:
.....

PEGAWAI PERUBATAN
HOSPITAL MELAKA
MELAKA

.....
(Tandatangan dan Cop Rasmi)

Tarikh:.....

NOTA:

Borang ini untuk kegunaan Pegawai Perubatan berdaftar bagi memperakui sebab-sebab kematian seseorang semasa penyakit terakhir dirawat olehnya. Perakuan ini hendaklah diberikan kepada waris si mati atau kepada pemaklum yang dikehendaki melaporkan kematian kepada Pendaftar Kelahiran dan Kematian.



HOSPITAL MELAKA

PROSEDUR KUALITI

Pengurusan Kes-Kes Kematian Di Hospital Melaka

No: Pindaan: 00
Tarikh: 15.01.2018

Lampiran 3

M.S.ISO/HM O&G/Borang 30
No. Keluaran : 01 Pind.00

PENDAFTARAN SIJIL KEMATIAN DAN RUMAH MAYAT HOSPITAL MELAKA

KELAHIRAN MATI (STILL BIRTH)

NO. SIJIL :

* SEMUA RUANGAN HENDAKLAH DITULIS DENGAN HURUF BESAR.

NAMA IBU : UMUR : TAHUN

KETURUNAN : NEGERI DILAHIRKAN :

NO. KAD PENGENALAN / DAFTAR NO. TEL :

ALAMAT BIASA :

JANTINA BAYI : LELAKI/PEREMPUAN/LAIN-LAIN. WAD :

TARIKH DAN MASA DILAHIRKAN :

NAMA BAPA : UMUR : TAHUN

PEKERJAAN : KETURUNAN :

NEGERI DILAHIRKAN : TEMPOH BERKAHWIN : THN.

ANAK YANG HIDUP MASA SEKARANG : ORANG

NAMA PEGAWAI YANG MENYAMBUK KELAHIRAN :

JAWATAN :

NAMA DOKTOR :

MAYAT DITUNTUT OLEH WARIS / DIHANTAR KE RUMAH MAYAT.

TARIKH :

.....
(DOKTOR / K. JURURAWAT / JURURAWAT)

Peringatan :

Borang ini hendaklah dihantar ke Pejabat Pendaftaran Sijil Kematian pada waktu pejabat dan Bilik Daftar Masuk selepas waktu pejabat.



PROSEDUR KUALITI

Pengurusan Kes-Kes Kematian Di Hospital Melaka

No: Pindaan: 00
Tarikh: 15.01.2018

Lampiran 4

JPN. LM01
(Pin. 1/16)

JABATAN PENDAFTARAN NEGARA MALAYSIA
DAFTAR KELAHIRAN / KELAHIRAN MATI
Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957
[Seksyen 4(1) dan 7 (1)]

No. Permohonan

A MAKLUMAT KANAK-KANAK

1. Nama (Kosongkan jika Kelahiran Mati)

2. Jantina
 L Lelaki P Perempuan R Ragu

3. Tarikh Kelahiran
 / /
Hari Bulan Tahun

4. Waktu Kelahiran
 : Pagi/Tengahari/Petang/
Malam/T. Malam
Nota : T. Hari atau T. Malam merujuk kepada waktu kelahiran tetap jam 12.00

5. Berat Bayi
 : Kg.

6. Ukuran Bayi
 : Cm

7. Tempat Kelahiran

Aras 2, Kamar Bersalin
Hospital Melaka

8. Negeri Kelahiran

9. Keturunan

10. Agama

B MAKLUMAT PENYAMBUK KELAHIRAN

11. No. Dokumen Pengenal

12. Jenis Dokumen Pengenal/Negara Pengeluar

13. Nama Penuh

Tandatangan dan Cap Rasmi Doktor / Ketua Jururawat/
Bidan/Orang Yang Menyambut Kelahiran/
Pihak Berkuasa Hospital/Klinik)

C MAKLUMAT IBU

14. No. Dokumen Pengenal

15. Jenis Dokumen Pengenal/Negara Pengeluar

16. Nama Penuh

17. Tarikh Kelahiran
 / /
Hari Bulan Tahun

18. Alamat

19. Keturunan

20. Pekerjaan

21. Pendidikan

22. Taraf Pemastautin
 B Warganegara M Pemastautin Tetap H Pemastautin Sementara X Bukan Warganegara Q Belum Ditentukan

23. Agama
 1 Islam 2 Kristian 3 Buddha 4 Hindu 5 Lain-lain, nyatakan

24. Taraf Perkahwinan
 1 Tidak Berkahwin 2 Berkahwin

25. Tarikh Perkahwinan
 / /
Hari Bulan Tahun




PROSEDUR KUALITI

Pengurusan Kes-Kes Kematian Di Hospital Melaka

No: Pindaan: 00
Tarikh: 15.01.2018

D MAKLUMAT BAPA	
26. No. Dokumen Pengenalan <input type="text"/>	27. Jenis Dokumen Pengenalan/Negara Pengeluar <input type="text"/>
28. Nama Penuh <input type="text"/>	29. Tarikh Kelahiran <input type="text"/> / <input type="text"/> / <input type="text"/> <small>Hari Bulan Tahun</small>
30. Keturunan <input type="text"/>	31. Pekerjaan <input type="text"/>
32. Pendidikan <input type="text"/>	
33. Taraf Pemastautin <input type="checkbox"/> Warganegara <input type="checkbox"/> Pemastautin Tetap <input type="checkbox"/> Pemastautin Sementara <input checked="" type="checkbox"/> Bukan Warganegara <input type="checkbox"/> Belum Ditetapkan	
34. Agama <input type="checkbox"/> 1 Islam <input type="checkbox"/> 2 Kristian <input type="checkbox"/> 3 Buddha <input type="checkbox"/> 4 Hindu <input type="checkbox"/> 5 Lain-lain, nyatakan	
E MAKLUMAT PEMAKLUM (Diisi jika pemaklum bukan bapa/ibu kanak-kanak)	
35. No. Dokumen Pengenalan <input type="text"/>	36. Jenis Dokumen Pengenalan/Negara Pengeluar <input type="text"/>
37. Nama Penuh <input type="text"/>	
F PENGESAHAN IBU, BAPA atau PEMAKLUM (Ditandatangani di hadapan Pendaftar)	
Bahawasanya, saya (Ibu/Bapa/Pemaklum) dengan ini membuatakuan bersetuju dan bertanggungjawab terhadap segala maklumat yang diberikan dalam borang ini adalah betul dan benar.	
No. Tel : <input type="text"/>	
Emel : <input type="text"/>	
Tarikh :	Tandatangan/Cap Ibu Jari Kanan
G PERMOHONAN MENGIKUT SEKSYEN 13 (Ditandatangani di hadapan Pendaftar (Jika berkenaan))	H AKUAN PENERIMAAN SIJIL
Bahawasanya kami, (Nama penuh Ibu dan tandatangan) dan (Nama penuh orang yang mengaku dirinya sebagai bapa kanak-kanak dan tandatangan) bersetuju untuk memasukkan maklumat bapa mengikut seksyen 13 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957.	Nama Penerima : No. Dokumen Pengenalan : Tandatangan : Tarikh :
I TARAF KEWARGANEGARAAN KANAK-KANAK PADA KETIKA KELAHIRAN (Diisi oleh Pendaftar)	
<input type="checkbox"/> WARGANEGARA MALAYSIA <input type="checkbox"/> BUKAN WARGANEGARA MALAYSIA <input type="checkbox"/> BELUM DITENTUKAN	
J PENGESAHAN PENDAFTAR	K KEPUTUSAN PENDAFTAR BESAR/PENGUASA PENDAFTAR (Seksyen 4(a)/8/12(1)/17)
Dengan ini, saya mengesahkan maklumat kelahiran / kelahiran mati di atas. Nama, Tandatangan/Cop Pendaftar Tarikh : (Cop dan tandatangan Pendaftar Besar/Penguasa Pendaftar) Tarikh :




PROSEDUR KUALITI

Pengurusan Kes-Kes Kematian Di Hospital Melaka

No: Pindaan: 00
Tarikh: 15.01.2018

Lampiran 6



**BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT,
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

SULIT

REKOD HOSPITAL **NO.03345**
HIV / AIDS-97

LAPORAN KES JANGKITAN HIV/AIDS/KEMATIAN AIDS

UNTUK KEGUNAAN PEJ.KESIHATAN

Kes No.

Notifikasi / laporan ini hendaklah dihantar kepada Pegawai Kesihatan Daerah Berhampiran

<p>1. IDENTITI KES</p> <p>No. K/P Baru <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> - <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/></p> <p>Nama _____</p> <p>Alamat Semasa _____</p> <p>Alamat Tetap _____</p> <p>Tarikh Lahir <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> Kumpulan Ethnik</p> <p style="font-size: x-small; margin-left: 20px;">d d m m y y</p> <p>Umur <input type="text"/> <input type="text"/> (Tahun) <input type="text"/> <input type="text"/> (Bulan) <input type="text"/> <input type="text"/> (Hari)</p> <p>Pekerja Terakhir</p> <div style="display: flex; justify-content: space-between;"> <div style="width: 45%;"> <input type="checkbox"/> Penganggur <input type="checkbox"/> Pelacur <input type="checkbox"/> Kakitangan Kerajaan - Profesional <input type="checkbox"/> Kakitangan Kerajaan - Sokongan <input type="checkbox"/> Pelajar Sepenuh Masa <input type="checkbox"/> Pasukan Beruniform <input type="checkbox"/> Nelayan / Penjual Ikan </div> <div style="width: 45%;"> <input type="checkbox"/> Melayu <input type="checkbox"/> Cina <input type="checkbox"/> India <input type="checkbox"/> O/ Asli Semenanjung <input type="checkbox"/> Siam/Thai <input type="checkbox"/> Bumiputra Sabah <input type="checkbox"/> Bumiputra Sarawak <input type="checkbox"/> WN Asing </div> </div> <div style="margin-top: 10px;"> <input type="checkbox"/> Pekerja Swasta <input type="checkbox"/> Pekerja Swasta - Non Executive <input type="checkbox"/> Suri Rumahtangga <input type="checkbox"/> Pemandu Jarak Jauh <input type="checkbox"/> Lain-lain (Nyatakan) _____ <input type="checkbox"/> Tidak Diketahui </div>	
---	--



HOSPITAL MELAKA

PROSEDUR KUALITI

Pengurusan Kes-Kes Kematian Di Hospital Melaka

No: Pindaan: 00
Tarikh: 15.01.2018

REKOD HOSPITAL NO.03345

9. KEADAAN KLINIKAL KES

Sila rujuk WHO AIDS Cases Definition for Surveillance September 1994 dan tandakan di mana berkenaan

- More than 10% body weight loss or cachexia with diarrhoea or fever or both, intermittent or constant for at least 1 month unknown due to a condition unrelated to HIV infection
- Cryptococcal meningitis
- Pulmonary or extra-pulmonary tuberculosis
- Karposi sarcoma
- Neurological impairment that is sufficient to prevent independent daily activities unknown to be due to a condition unrelated to HIV infection for example trauma or cerebrovascular accident.
- Candidiasis of the esophagus which may be presumptively diagnosed based on the presence of oral candidiasis accompanied by dysphagia.
- Clinically diagnosed life threatening or recurrent episode of pneumoniae with or without serological confirmation
- Invasive cervical cancer
- Paediatric AIDS (Sila nyatakan keadaan klinikal)
- Lain-lain (Sebutkan)

10. JIKA BAYI / KANAK-KANAK BERUMUR KURANG 13 TAHUN

- 10.1 Jenis kelahiran (Pilih salah satu sahaja)
- Spontaneous vaginal delivery
 - Assisted vaginal delivery
 - Caesarian section
- 10.2 Status jangkitan HIV ibu
- Positif
 - Negatif
 - Tidak diketahui
- Jika positif, adakah ibu mengambil ART Ya Tidak
- Jika ya, jenis rawatan AZT (monotherapy) HAART
- Jangkamasa rawatan bulan
- 10.3 Adakah mengambil susu ibu Ya Tidak

11. UNTUK KES KEMATIAN HIV / AIDS

Tarikh kematian

Sebab kematian (mengikut ICD 10)

Part 1 Immediate cause

- a. _____
Due to or consequence of (intervening cause)
- b. _____
Due to or consequence of (underlying cause)
- c. _____

Part 2 Other significant conditions

(Condition contributing to death but not related to causes given in part 1 a)

Doktor yang melaporkan _____
Wad / Hospital / Klinik _____

12. CATATAN

	Keputusan	Tarikh
Rapid test	_____	_____
Lain-lain	_____	_____

13. MAKLUMAT PELAPUR

Laporan disediakan oleh : _____

Jawatan : _____

Tarikh : _____ Tandatangan _____

14. UNTUK KEGUNAAN MAKMAL SAHAJA

Ujian	Kaedah	Keputusan	Tarikh
1. ELISA	_____	_____	_____
2. PA	_____	_____	_____

Nama Pegawai : _____

Tarikh : _____

No. Rujukan Makmal : _____ Tandatangan _____



HOSPITAL MELAKA

PROSEDUR KUALITI

Pengurusan Kes-Kes Kematian Di Hospital Melaka

No: Pindaan: 00
Tarikh: 15.01.2018

Lampiran 7

JAB.PERUBATAN FORENSIK,HOSPITAL MELAKA
TAG PENGENALAN MAYAT KES BIASA/BUKAN KES POLIS

MS:ISO/HM/FORENSIK/02
KEL:01 PIN:02

WAD:

TEL:

NAMA: NO.KP: RN:

UMUR: JANTINA: KETURUNAN: AGAMA:

ALAMAT:

TARIKH/WAKTU DIDAFAR MASUK: @ DOKTOR:

TARIKH DAN WAKTU KEMATIAN: @

SEBAB-SEBAB KEMATIAN :

WARIS TELAH DIHUBUNGI : YA / TIDAK

TARIKH DAN WAKTU DIHUBUNGI : @ OLEH.....

NAMA WARIS : NO.TELEFON :

ALAMAT:

BALAI POLIS YANG DIHUBUNGI : NO.TELEFON :

NAMA/PANGKAT/NO.ANGGOTA POLIS.....

BEDAH SIASAT KLINIKAL : YA / TIDAK MAYAT BOLEH DILEPASKAN : YA /TIDAK

BIOHAZARD YA / TIDAK / TIADA MAKLUMAT

TANDA TANGAN



HOSPITAL MELAKA

PROSEDUR KUALITI

Pengurusan Kes-Kes Kematian Di Hospital Melaka

No: Pindaan: 00
Tarikh: 15.01.2018

Lampiran 8

JAB. PERUBATAN FORENSIK, HOSPITAL MELAKA
TAG PENGENALAN MAYAT KES POLIS

NO. ID/NO. MAT. FORENSIK/NO. KELU. FORENSIK

WAD: TEL:

NAMA: NO. KP: RN:
UMUR: JANTINA: KETURUNAN: AGAMA:
ALAMAT:

TARIKH/WAKTU DIDAFETAR MASUK: DOKTOR:
TARIKH DAN WAKTU KEMATIAN:
JENIS KES POLIS: KES B I D : YA / TIDAK


WARIS TELAH DIHUBUNGI : YA / TIDAK
TARIKH DAN WAKTU DIHUBUNGI : OLEH:
NAMA WARIS: NO. TELEFON:
ALAMAT:

BALAI POLIS YANG DIHUBUNGI: NO. TELEFON:
NAMA/PANGKAT/NO. ANGGOTA POLIS:

BEDAH SIASAT : YA / TIDAK MAYAT BOLEH DILEPASKAN : YA / TIDAK

BIOHAZARD YA / TIDAK / TIADA MAKLUMAT

TANDA TANGAN



PROSEDUR KUALITI

Pengurusan Kes-Kes Kematian Di Hospital Melaka

No: Pindaan: 00
Tarikh: 15.01.2018

Lampiran 11

MS:ISO/HM/FORENSIK/08
KELUARAN:03 PINDAAN:02/17




**JABATAN PERUBATAN FORENSIK
HOSPITAL MELAKA**

NO. DAFTAR FORENSIK :

BORANG PENGENDALIAN MAYAT

A) MAKLUMAT SI MATI		PPP BERTUGAS:	TARIKH:
Nama Si Mati:			
Jenis Dokumen Si Mati (Jika ada):		Warganegara:	
No. Dokumen:		<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak (Nyatakan):	
No. Pendaftaran Hospital:		Wad/Unit:	
Jantina: <input type="checkbox"/> Lelaki <input type="checkbox"/> Perempuan <input type="checkbox"/> Tidak diketahui		Tarikh Lahir:	Umur:
Keturunan: <input type="checkbox"/> Melayu <input type="checkbox"/> Cina <input type="checkbox"/> India <input type="checkbox"/> Lain – lain (Nyatakan):		Agama: <input type="checkbox"/> Islam <input type="checkbox"/> Kristian <input type="checkbox"/> Buddha <input type="checkbox"/> Hindu <input type="checkbox"/> Lain – lain (Nyatakan):	
Alamat Terkini:			
Kategori Kes			
<input type="checkbox"/> Kes Biasa	<input type="checkbox"/> Kes Polis	<input type="checkbox"/> Bedah siasat	<input type="checkbox"/> Kes Penyakit berjangkit
Nama Polis & No. Anggota:		<input type="checkbox"/> Medikolegal No. Autopsi:	PPKP telah dimaklumkan: Nama: Pejabat:
Nama Balai & No. Repot:		<input type="checkbox"/> Klinikal No. Autopsi:	
No. Tel / HP:			
B)HARTA BENDA SI MATI: <input type="checkbox"/> Ada (Sila nyatakan dibawah) <input type="checkbox"/> Tiada			
Penerimaan		Penyerahan	
1)		Diserahkan Oleh:	
2)		Nama Pen. Peg. Perubatan:	
3)		Tarikh & Masa:	
4)		Tandatangan	
5)		Diserahkan Kepada Polis/Waris/Wakil:	
6)		Nama Polis/Waris/Wakil:	
Diserahkan Oleh:		No. Anggota/No. KP:	
Nama:		Tarikh & Masa:	
Jawatan:		Tandatangan:	
Tarikh & Masa:			
Tandatangan:			
Diterima Oleh:			
Nama:			
Jawatan:			
Tarikh & Masa:			
Tandatangan:			



PROSEDUR KUALITI

Pengurusan Kes-Kes Kematian Di Hospital Melaka


No: Pindaan: 00
Tarikh: 15.01.2018

C) PENGECAMAN MAYAT:

Pengecaman mayat adalah berdasarkan kepada:			(i) Pengecaman semasa terima mayat:	(ii) Pengecaman semasa serah/tuntut mayat
Pengecaman Muka Si Mati	(i)	(ii)	1. Nama PPP:	1. Nama PPP:
Pakaian / Barangan Peribadi	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	Tarikh & Masa:	Tarikh & Masa:
Tag Pengenalan Mayat	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	Tandatangan:	Tandatangan:
Lain-lain:			2. Nama waris / wakil:	2. Nama waris / wakil:
Tanda tatu	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	No. KP / Paspot:	No. KP / Paspot:
Cap jari	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	Hubungan:	Hubungan:
Odontologi	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	No. Tel / HP:	No. Tel / HP:
DNA	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	Tandatangan:	Tandatangan:
Lain-lain (Nyatakan):	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	Tarikh & Masa:	Tarikh & Masa:

D) PERMOHONAN PENYIMPANAN MAYAT:

<p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/> Ada <input type="checkbox"/> Tiada</p> <p>Tempoh masa.....</p> <p>Dari tarikh.....hingga.....</p> <p>Pegawai yang meluluskan:</p> <p>..... (Tandatangan & cop nama) b/p: Pengarah Hospital Melaka</p> <p>Tarikh & Masa:</p>	<p>PENTING</p> <ul style="list-style-type: none"> Saya faham pihak jabatan tidak akan bertanggungjawab keatas sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku kepada mayat sepanjang tempoh penyimpanan. Saya perlu menuntut mayat dengan kadar segera sekiranya diarahkan oleh pihak hospital pada bila-bila masa. Saya faham dan bersetuju sekiranya mayat tidak dituntut dalam masa 2 minggu dari tarikh terima, pihak hospital berhak untuk melupuskan mayat berkenaan berdasarkan prosedur jabatan yang sedia ada. <p>Nama Pemohon:</p> <p>No. KP / Paspot:</p> <p>No. Tel / HP:</p> <p>Hubungan:</p> <p>Tarikh & Masa:</p> <p>Tandatangan:</p>
---	--



PROSEDUR KUALITI


Pengurusan Kes-Kes Kematian Di Hospital Melaka

No: Pindaan: 00
Tarikh: 15.01.2018

E) PENYERAHAN / TUNTUTAN MAYAT:

<p>Penyerahan Dalam Negeri <input type="checkbox"/></p> <p>Ke Luar Negara <input type="checkbox"/></p> <p>• <i>Sila sertakan surat kelulusan dari pihak waris / kedutaan yang berkenaan.</i></p> <p>No. JPN.LM02 (Pin.1/11): <input type="text"/></p> <p>Borang * JPN.LM09 /JPN.LM10 telah dilengkapkan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • No. Borang JPN.LM09 <input type="text"/> • No. Borang JPN.LM10 <input type="text"/> <p>Nama Pen. Peg. Perubatan yang bertugas:</p> <input type="text"/> <p>Tarikh & Masa dituntut:</p> <input type="text"/> <p>Tandatangan:</p> <input type="text"/>	<p>Nama waris / wakil:</p> <input type="text"/> <p>No. KP / Paspot:</p> <input type="text"/> <p>Alamat:</p> <input type="text"/> <p>No. Tel / HP:</p> <input type="text"/> <p>Hubungan:</p> <input type="text"/> <p>Tarikh & Masa menuntut mayat:</p> <input type="text"/> <p>Tandatangan:</p> <input type="text"/> <p>Maklumat Kenderaan Membawa Mayat:</p> <p>Nama Pemandu:</p> <input type="text"/> <p>No. KP / Paspot:</p> <input type="text"/> <p>Nama Syarikat / Organisasi:</p> <input type="text"/> <p>No. Tel / HP (Pemandu) No. Tel / HP (Syarikat):</p> <table border="1" style="width: 100%;"> <tr> <td style="width: 50%;"><input type="text"/></td> <td style="width: 50%;"><input type="text"/></td> </tr> </table> <p>No. Kenderaan: Masa tiba di jabatan:</p> <table border="1" style="width: 100%;"> <tr> <td style="width: 50%;"><input type="text"/></td> <td style="width: 50%;"><input type="text"/></td> </tr> </table> <p>Destinasi:</p> <input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
<input type="text"/>	<input type="text"/>				
<input type="text"/>	<input type="text"/>				

**Potong yang tidak berkenaan.*



PROSEDUR KUALITI

Pengurusan Kes-Kes Kematian Di Hospital Melaka

No: Pindaan: 00
Tarikh: 15.01.2018

F) PERMOHONAN PENGGUNAAN KEMUDAHAN BILIK PENGURUSAN MAYAT.

Ada

Tiada

i) Bilik Pengurusan Mayat untuk Orang Islam.

ii) Bilik Pengurusan Mayat untuk Orang Bukan Islam.

1. Saya : No. KP:..... adalah waris kepada simati yang
bernama: ingin memohon untuk menggunakan bilik pengurusan mayat yang berkenaan.

2. Saya telah mewakilkan Syarikat berkenaan: untuk menguruskan mayat berkenaan
bagi pihak keluarga kami.

- *Sehubungan dengan itu, saya berjanji akan membersihkan semula bilik berkenaan apabila semua urusan telah selesai dan akan menjaga segala peralatan yang tersedia di situ.*

Sekian terima kasih.

Pemohon

Disaksikan oleh

.....
Nama waris

.....
Pen. Peg. Perubatan yang bertugas

No.KP / Paspot: